

SAMUDERA



PERPADUAN MENYANTUNI MAHASISWA GEMILANG



Sidang Redaksi

EDITOR PENGURUSAN

TIMBALAN PENGARAH PPHK
DR. IZAN BINTI DATO' HAJI JAAFAR

KETUA PENGARANG

MPP EXCO PUBLISITI DAN PENERBITAN
SITI NURKHAIRUNNISA BINTI MOHAMAD SHARIFF

TIMBALAN KETUA PENGARANG

MPP EXCO TEKNOLOGI DAN MULTIMEDIA
NISA SYAFIQAH BINTI RAMLI

PEMBACA PRUF


MOHAMMAD ASYRAF ADHWA BIN MASIMEN

PEREKA

SITI NURKHAIRUNNISA BINTI MOHAMAD SHARIFF
DEBRA MADULI
NUR MIRRAH 'AFINA BINTI ZALID

WARTAWAN

KASMAWATI BINTI SAMAILA
MAS LIZA AIZA BT MASKOR
NUR AIN AQILAH BT KAMARUDIN
NOOR HIDAYAH BINTI KARIM
NUR ALIAH BINTI USMAN
FARHA NADHIRA BINTI MOHD GHAN
RUSAINI BINTI MAZLAN



Hak Cipta Terpelihara © 2019.
Tidak dibenarkan mengeluarkan
mana-mana bahagian artikel,
ilustrasi dan isi kandungan buku ini
dalam apa juga bentuk dan
dengan apa cara sekalipun sama ada
secara elektronik, fotokopi, mekanik,
rakaman, atau cara lain sebelum
mendapat izin bertulis daripada
Pengarah Penerbit UMT, Universiti
Malaysia Terengganu, 21030 Kuala
Nerus, Terengganu, Malaysia.

ISI KANDUNGAN



FOKUS UTAMA

KOR SISPA UMT JUARA KALI KE-5 6

PERMIS 8

SILAT CEKAK HANAFI 10

KELAB BAHASA ARAB 12

KARYA PELAJAR

PERMATA AYAH IBU 15

NOSTALGIA UMT 16

MONSUN KEHIDUPAN 17

SAHABAT MENARA GADING 18

BICARA

KETUA PENGARANG

Siti Nurkhairunnisa Binti Mohamad Shariff



Assalamualaikum dan Salam UMT Cita Warisan

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dapat juga majalah Samudera edisi ke-72 berjaya disiapkan untuk tatapan warga Universiti Malaysia Terengganu.

Pertama sekali, saya sebagai ketua pengarang mewakili ahli sidang redaksi 2019 amat berbesar hati kerana diberi peluang untuk membuat catatan yang boleh diselitkan dalam helaian majalah Samudera ini. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak pentadbiran kerana memberi sepenuh kepercayaan kepada saya bagi mengalas jawatan ini. Saya juga ingin berterima kasih kepada semua yang berkerjasama bagi merealisasikan penghasilan majalah ini.

Bagi pengetahuan semua majalah Samudera ini dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar dimana kami seramai empat orang bersatu dan menggabungkan idea bagi menghasilkan majalah ini. Majalah ini merupakan salah satu platform bagi pelajar memperkenalkan kelab mereka dengan mencoretkan aktiviti-aktiviti kelab yang dijalankan di UMT. Selain itu, pelajar juga dapat mengembangkan bakat mereka dalam penulisan.

Saya berharap agar kerjasama yang berterusan daripada mahasiswa/i secara khususnya dan bimbingan dari pihak penerbit yang tidak jemu memberi sokongan padu selama ini dapat menggembeling usaha bersama bagi menjadikan majalah ini dikenali oleh semua warga UMT.

Khairunnisa

KREW SAMUDERA



PEMBACA PRUF
MOHAMMAD ASYRAF ADHWA BIN MASIMEN

PEREKA
DEBRA MADULI



PEREKA
NUR MIRRAH 'AFINA BINTI ZALID



KOR SISPA UMT JUARA

KALI KE-5

Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) muncul juara keseluruhan buat kali ke-5 dalam Pertandingan Ujian Kemahiran Kor SISPA sempena Majlis Pertauliahan Kor SISPA Kebangsaan Kali Ke-10 Tahun 2019.

Kor SISPA UMT menjadi JOHAN untuk tiga acara iaitu Kemahiran Kawad Kaki, Pengungsian Bangunan dan Sipa Challenge yang menggabungkan semua kemahiran berkonsepkan 'explorace' selain mendapat NAIB JOHAN dalam ujian kemahiran 'Road Accident Management' atau dalam erti kata lain kemahiran MEDIC.

Ketua Kontinjen Kor SISPA UMT, Penolong Pesuruhjaya (PA) Bersekutu Profesor Datuk Dr Saharuddin Abdul Hamid berkata "Itu adalah kejayaan paling gemilang dan terbaik daripada empat kejayaan lalu kerana kali ini UMT dinobatkan johan dalam tiga acara daripada empat acara dipertandingkan.

Kor Sipa UMT sebelum ini menjadi Juara Keseluruhan pada pertandingan yang sama pada 2011 di USIM, 2014 di UKM, 2015 di USM dan 2016 di UPSI dan pada tahun 2019 di UPM Kor Sipa UMT telah bangkit lagi sebagai Juara Keseluruhan.

Latihan dan persiapan dibuat hanya mengambil masa 5 hari sahaja di bawah bimbingan jurulatih di Ibu Pejabat Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Terengganu. Walaupun terdapat beberapa orang yang sakit akibat training yang hard core tapi usaha yang gigih dalam pasukan akhirnya membuah hasil yang terbaik. Pengarah APM Negeri Terengganu, Leftenan Kolonel (PA) Che Adam A Rahman berkata, kejayaan kali kelima itu membuktikan keserasian kerjasama antara SISPA UMT dan APM.



PERMIS

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) buat pertama kalinya telah menerima pelajar istimewa yang berkerusi roda pada ambilan 2018/2019 yang lalu. Sebagai sebuah universiti yang bukan mesra OKU, prasarana dan fasiliti buat pelajar berkerusi roda adalah terhad. Justeru, sebagai wadah buat pelajar istimewa membangkitkan isu berkaitan kemudahan yang diperlukan, satu persatuan yang mengambil pelajar OKU sebagai ahlinya telah ditubuhkan. Berdasarkan hakikat kejadian insan, setiap pelajar mempunyai bakat dan potensi untuk memimpin, sekurang-kurangnya memimpin diri sendiri menjadi apa yang diinginkan. Walau bagaimanapun, pengetahuan, kesungguhan dan kemahiran memimpin bukanlah warisan semulajadi. Sebaliknya, perlu dipupuk dan diperolehi melalui proses-proses pengajaran dan pembelajaran formal dan tidak formal. Justifikasinya, melalui penubuhan persatuan ini juga, dapat membantu pelajar OKU untuk merasai sendiri memimpin sesuatu acara atau program.

Kelab ini ditubuhkan pada 14 Mac 2019 yang diterajui oleh Puan Rozita Binti Jayus sebagai penasihat kelab PERMIS. Pengasas dan juga presiden pertama ialah Muhammad Nur Hafiz bin Razali, pelajar jurusan Sarjana Muda Kaunseling. Nur Misba Pati Bin Barahim pula telah memegang jawatan sebagai timbalan presiden. Mereka antara individu yang memberikan idea dan sokongan penuh dalam setiap aktiviti dan pergerakan PERMIS ini. Selain itu, persatuan ini bernaung di bawah Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Akademik (HEPA) Universiti Malaysia Terengganu. Visi persatuan ini adalah memfokuskan kepada PERMIS sebagai organisasi yang bermutu dan berintegriti.

Selain itu, penubuhan persatuan ini juga diharapkan dapat menukar pemikiran dan persepsi masyarakat terhadap istilah OKU. Misi PERMIS adalah untuk melahirkan graduan istimewa yang berjaya selain daripada mendedahkan kepada mahasiswa istimewa tentang kepimpinan sesebuah organisasi. Seterusnya, dapat melahirkan mahasiswa istimewa yang seimbang dan berdaya saing.



Penanda Aras 1.0

@ Universiti Malaya

PERMIS telah mengadakan program buat pertama kalinya iaitu Program Penanda Aras 1.0 yang bertempat di Universiti Malaya dengan kerjasama MPP dan PPHK. Program ini telah diadakan pada 21 sehingga 23 November 2019 dan disertai oleh barisan ahli PERMIS serta beberapa orang pelajar UMT. Pengarah program ini merupakan bekas presiden PERMIS yang kini memegang jawatan Exco Perhubungan Luar iaitu Muhammad Nur Hafiz bin Razali. Beliau berusaha untuk melakukan yang terbaik supaya program ini berjalan dengan lancar seperti apa yang diharapkan. Asbab pemilihan tempat tersebut adalah ingin mengetahui dan mempelajari cara mereka mengendalikan pelajar kurang upaya khususnya pelajar yang berkerusi roda di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) serta Persatuan Mahasiswa Istimewa (PERMIUM).

Program ini bertujuan untuk membina budaya saling berkongsi pengalaman serta membina tautan mesra dalam konteks melestarikan gerak kerja bagi semua pihak yang terlibat. Selain itu, PERMIS mahu membuka ruang serta peluang bagi mahasiswa khususnya peserta program untuk lebih berfikir secara terbuka dan memberikan nafas baharu dalam bertindak mengikut keperluan semasa organisasi. Bukan itu sahaja, objektif program ini juga mengambil kira aspek pengukuhan corak pemikiran dan mengeratkan ikatan persaudaraan untuk melahirkan mahasiswa yang cerdas dan matang melalui aktiviti yang dirancang. Akhir sekali, program ini turut mementingkan hubungan silaturahim antara semua ahli serta rakan PERMIS demi menjalinkan hubungan kerjasama yang terbaik.



Silat Cekak Hanafi



Pada 15 dan 16 November yang lalu, Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi Universiti Malaysia Terengganu (PSSCUHUMT) sesi 2019/2020 telah menganjurkan Ujian Sijil Rendah Persilatan (SRP) dan Kursus Jurulatih Tahap 1 bertempat di KK 13, 14 & 15, Kompleks Kuliah Berpusat, UMT dan Bilik Tutorial Akuatrop, INOS. Program tersebut telah diadakan untuk menguji ahli yang telah tamat mempelajari Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi dari segi teori & praktikal. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk mempersiapkan para peserta untuk menjadi tenaga pengajar yang berkeyakinan dan berpengetahuan dalam ilmu persilatan. Manakala, tujuan program kursus jurulatih yang diadakan adalah untuk mendedahkan kepada ahli konsep kejurulatihan dalam silat bagi menekankan kaedah pengajaran & pembelajaran.

Untuk Ujian Sijil Rendah Persilatan (SRP), para peserta yang terlibat adalah daripada kalangan pelajar UMT dan UNISZA yang merupakan ahli tamat untuk Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi. Manakala, para penguji pula terdiri daripada jurulatih-jurulatih silat daripada Akademi Silat Cekak Hanafi, Kuala Lumpur dan pembantu-pembantu kelas Cekak Hanafi UMT dan UNISZA. Program dimulakan dengan pendaftaran dan sarapan untuk para peserta daripada UMT dan UNISZA. Tepat jam 9.00 pagi, para peserta diberi taklimat ringkas mengenai ujian teori dan praktikal oleh Encik Amri bin Mhd Noor Zori, Ketua Bahagian Peperiksaan dan Sumber Manusia, Akademi Silat Cekak Hanafi. Ujian teori adalah menjawab soalan secara objektif dan bertulis mengenai Silat Cekak Hanafi daripada sudut sejarah dan teknik. Manakala, ujian praktikal pula adalah ujian dimana para peserta akan diuji daripada segi kekemasan buah (teknik) dan aplikasi apabila diserang oleh penguji. Hasilnya, kesemua para peserta yang terlibat mendapat gred lulus daripada para penguji dalam ujian teori dan praktikal.

Untuk kursus jurulatih, para peserta yang terlibat adalah para peserta yang mengambil SRP dan dikendalikan oleh jurulatih-jurulatih daripada Akademi Silat Cekak Hanafi, Kuala Lumpur. Dalam kursus ini, para peserta didedahkan dengan silibus terkini Silat Cekak Hanafi dan konsep kejurulatihan dalam kaedah pembelajaran dan pengajaran silat. Para peserta juga berpeluang melontarkan sebarang pertanyaan dan mengadakan perbincangan tentang sebarang kekeliruan kepada jurulatih-jurulatih tersebut. Hasilnya, para peserta dapat menimba ilmu baharu untuk disumbangkan kepada Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi di universiti masing-masing.



Disediakan oleh : Mas Liza Aiza

***Peneraju Warisan Mutlak
Saya Silat Cekak Hanafi***

Kelab Bahasa Arab

Pada 5 Disember 2019 yang lepas, Kelab Bahasa Arab UMT telah mengadakan “Arabic Open Day” (AOD) yang bertempat di Kolej Kediaman Sheikh Abdul Malek (KKSAM) UMT. Program pada jam 9.00 malam tersebut telah dijayakan oleh ahli kelab Bahasa Arab seramai 70 orang yang terdiri daripada pelajar-pelajar kursus Bahasa Arab (BBA3023) tahap 1 sehingga tahap 3 bagi Semester 1 Sesi 2019/2020. Kelab ini telah ditubuhkan pada awal bulan 11 yang lepas dan Dr Mahmoud Abd El Fattah Ibrahim Essa, pensyarah Bahasa Arab merupakan penasihat kelab ini.

Tujuan utama penubuhan kelab dan pelaksanaan program AOD ini adalah untuk mendedahkan kepada warga UMT akan bahasa Arab dan memperkenalkan tentang budaya dunia Arab melalui poster, ‘flashcard’, serta penanda buku yang kemudiannya diedarkan kepada warga UMT yang mengunjungi ‘booth’ kelab. Program ini disambut dengan baik sekali oleh warga UMT yang terdiri daripada kalangan mahasiswa dan mahasiswi UMT. Program ini tamat sekitar jam 10.15 malam dan telah mencapai objektif utama pelaksanaan program. Diharapkan program seperti ini dapat dijalankan lagi pada skala yang lebih besar pada masa akan datang supaya dapat menarik lebih ramai lagi untuk mengenali tentang Bahasa Arab.



Disediakan oleh: Nur Mirrah 'Afina



KARYA PELAJAR

Permata ibu ayah

Sejak kecil ditatang penuh sayang,
Ibu ayah rela berkorban apa sahaja,
Bahagia melihat anak membesar,
Dilayan bak puteri dalam keluarga.

Bila besar menjengah,
Ramai ingin menyunting puteri,
Ibu ayah gembira,
Namun terselit kebimbangan.

Risau puteri kesayangan disiakan,
Teruna kini sukar dijangka,
Kadang manis dimulut,
Namun hati tiada siapa tahu.

Moga akan ada yang hadir,
Tepat pada masanya,
Yang bisa menyambung amanah,
Menjaga puterimu dengan penuh sayang.

Nostalgia UMT

Nagh

Sunyi hati berjalan sendiri,
Tepukan mesra indah disapa,
Senyuman manis umpama madu,
Meraih tangan berganding bahu.

Teman bergaduh teman bercanda,
Tak lengkap hidup dirasa,
Jika si dia tak bersuara,
Cinta hati peneman setia.

Kesusahan sama dilalui,
Kesedihan sama dikongsi,
Kerinduan sama diratapi,
Penat lelah hanya kami rasai.

Senyuman manis bagaikan gula,
Kegembiraan terserlah di muka,
Keseronokan kami raikan bersama,
Menunggu hari graduasi tiba.

Termenung sendu di kampung halaman,
Angin lalu memecah sunyi,
Tangis ketawa selalu teringat,
Walau jauh di mata namun dekat di hati,

Kisah yang dibina jangan kau lupai,
Sepanjang bersama kita hadapi,
Yang pahit jangan dikesali yang manis kita
hayati, *Naghham art*
Akan menjadi kenangan di suatu masa
nanti.

Bunyi komputer menari di kepala,
Rakan sekerja menyapa perlahan,
Tersentak hati dari lamunan,
Waktu belajar yang dikenang manis.

Hati dipeluk perasaan rindu,
Kenangan dicipta melambai jiwa,
Disimpan, disemat di dalam hati,
Wajah rakan seperjuangan dikasihi.

Karya : Dayah, Liah & Farha

Monsun kehidupan

Adakalanya ombak membadai pantai,
Ada ketika angin membawa bahagia,
Terkadang hujan mengundang bencana,
Namun tanpa deraiannya,
Malar hijau bumi bertukar gersang.

Begitu juga kehidupan,
Adakalanya diulit bahagia,
Ada ketika diuji kesulitan,
Semuanya silih berganti,
Bertukar musim aturan Allah.

Kita hanyalah hamba,
Terlalu kerdil berbanding kekuasaannya,
Namun doa mampu mengubah segala,
Panjatkan munajat mohon segala,
Semoga urusan diredhai Allah.

Nukilan : Ain Aqilah

Sahabat Menara Gading

Karya: Rusaini Binti Mazlan

Pada pagi yang hening ini meninggalkan kesedihan buat aku. Aku hanya mampu mendiamkan diri tanpa berkata-kata. Aku hanya mendengar setiap arahan yang diberi ibu dan ayahku. Aku tahu ibu dan ayahku amat gembira melihatku menyambung pelajaran di Universiti awam. Ku tenung wajah ibuku terlihat manis senyumannya, tersusun rapi giginya seperti kegembiraannya tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata. Hari ini aku bakal ditinggalkan oleh ibu dan ayahku yang bakal berangkat pulang ke Negeri Sembilan setelah pendaftaran aku selesai.

Hari pertama aku ke kuliah adalah hari yang paling mengembirakan dengan suasana yang diwarnai pakaian-pakaian pelajar yang kemas dan cantik bergaya. Walaupun perasaan rindu kepada ibu dan ayah mencengkam jiwaku, aku cuba kuat demi memberi kejayaan kepada mereka suatu hari nanti. Aku merupakan seorang pelajar dari kos pemasaran, pada mulanya aku tidak yakin dengan kebolehanku untuk membawa kos tersebut. Namun apabila didorong oleh keluargaku, aku menjadi lebih yakin untuk teruskan.

DUA TAHUN KEMUDIAN

Pagi-pagi sebelum matahari menyapa aku sudah bergegas untuk ke satu program yang dianjurkan falkulti pemasaran di Universiti. Program ini diberi nama “Rebut peluang”, melalui program ini aku belajar cara untuk menambahkan pendapatan. Dengan secara tiba-tiba aku terfikir untuk membuat satu bisnis bagi meringankan beban keluargaku.

Fikiranku melayang-layang kerana aku musykil dengan keputusan yang telah aku buat. Ini kerana ibu dan ayah menyuruh aku belajar bersungguh-sungguh bukannya susah-payah untuk mencari wang, bagi mereka biar mereka yang lelah pagi petang mencari duit. Namun aku tidak ingin menyusahkan ibu dan ayah lagi untuk memberi wang belanja pada tiap bulan kepada aku. Aku tahu ibu dan ayahku akan mengikat perut demi memberi yang terbaik untuk aku dan adik-adik.

Ketika khusyuk membelek telefon ditangan melihat instagram, aku terjumpa satu perniagaan yang memerlukan dropship untuk satu jenama tudung. Aku terus whatsapp nombor di bawah ayat tersebut untuk bertanya lebih lanjut. Melalui penerangan oleh Puan Saleha iaitu pengurus sebuah tudung jenama tersebut bahawa aku tidak perlu mengeluarkan modal yang banyak untuk memulakan perniagaan bersama dia.

Setelah beberapa hari aku berfikir, aku bersetuju untuk membuka satu bisnes kecil-kecilan di universiti ini. Aku hanya perlu mengeluarkan modal sebanyak RM 50 untuk mendaftar sebagai ahli. Untung yang aku dapat adalah melalui komisen sebanyak Rm 3 untuk satu tudung. Bagiku ia amat memadai dan cukup untuk menampung perbelanjaan aku seharian. Hari demi hari aku sering kali ke kaunter pejabat post universiti untuk mengambil barang untuk aku memulakan bisnes.

Pada mulanya aku hanya menumpu bisnes ini kepada rakan-rakan di fakulti aku sahaja. Disebabkan faktor tidak mempunyai kenderaan jadi aku hanya mampu membuat penghantaran di kawasan universiti ini sahaja. Aku juga memasarkan produk tudung ini di media sosial seperti facebook dan instagram. Untuk pelanggan yang duduk jauh dan di luar kawasan universiti aku menggunakan kaedah pengeposan bagi mereka. Dengan itu aku dapat mencari lebih ramai pelanggan dari setiap pelusuk negeri.

Disebabkan aku terlalu minat untuk berniaga tiba-tiba “Ashikin kau joinlah berniaga di pesta konvo tu,aku dengar tapak jualan tu murah je” kata Suraya rakan sekelasku. “erm, betul jugak kata kau tu, nanti aku cuba tanya macam mana nak dapat tapak di situ, terima kasih Suraya atas infonya”.

Keesokkan harinya , ada seorang pelanggan memberi mesej melalui aplikasi whatsappku, pelanggan ini merupakan pelanggan tetap tudung yang aku jual. Tiap kali design atau tudung baru sampai, pelanggan inilah yang pertama akan membeli tudung tersebut dengan kuantiti yang banyak. Tiba-tiba terlintas di fikiran untuk aku mencari rakan kongsi untuk sama-sama menjual tudung ini. Entah mengapa aku terus bertanya kepada pelanggan tetap aku tersebut melalui aplikasi whatsapp “Fika, nak tak menjual tudung bersama saya? sebab saya tengok awak pun macam minat sangat dengan produk tudung ini”

“Oh, bagus juga idea kamu ini , saya pun berminat untuk belajar dalam dunia perniagaan ni dengan lebih mendalam kerana saya ingin menjadi seorang usahawan yang berjaya suatu hari nanti”. “Kamu tidak kisah ke kalau saya ajak kamu untuk ikut bersama saya menjual tudung ini?”

“Tidak sama sekali, kerana saya ingin menimba pengalaman di samping menambah pendapatan harian saya”. Mendengar jawapan dari Fika, aku menjadi yakin untuk berkongsi perniagaan ini bersama beliau. Walaupun pada mulanya agak musykil kerana Fika merupakan pelajar dari kos Kaunseling yang jauh beza daripada dunia perniagaan. Perniagaan ini semakin maju kerana Fika menjual tudung tersebut di fakulti beliau. Dengan secara tidak langsung, penjualan tudung ini telah dikenali ramai dan tersebar luas.

DI KANTIN ASRAMA

“Fika nanti jom kita berniaga di pesta konvo November ini? apa pendapat awak?”

“Bagus juga idea itu, mesti ramai pengunjung luar akan datang melihat anak-anak mereka konvo dan sekaligus digeraikan nanti”. “kalau macam tu, kita tempah tapak jualan segera, takut nanti penuh pula” “okay betul tu Ashikin sebab nanti mesti berebut orang yang ingin menjual di pesta tersebut”.

Aku meneruskan perbualan sambil menyuap nasi berlaukkan sambal ayam merah acik kantin ke dalam mulutku. Di sini terkenal sungguh sambal ayam merah berapi, kalau aku dapat makan memang sedap hingga menjilat jari, kalau tak dapat ayam sambal ni bak kata pepatah tidur tak lena mandi tak basahla.

Tiada siapa yang boleh tandingi sambal ayam merah acik kantin asrama ini. Lima hari sebelum pesta konvo bermula, aku dan Fika dah macam belangkas kesana kesini mengambil bungkusan di kaunter post universiti. Selain itu, kami sentiasa meluangkan masa bersama berdua untuk menyiapkan bungkusan yang rapi bagi setiap tudung yang bakal dijual di pesta konvo nanti. Disebabkan aku bukan pelajar asrama dan menyewa di sekitar kawasan universiti, jadi lebih mudah untuk melakukan semua kerja bisnes di rumahku.

PESTA KONVO

Maka hari yang ditunggu-tunggu telah pun tiba, berlangsunglah hari pertama jualan aku dan Fika di pesta konvo. Jualan ini akan berlangsung selama tiga hari berturut-turut. Kelihatan gadis-gadis muda yang manis dan anggun memenuhi kawasan tapak jualan kami. Kali ini rezeki aku dan Fika, jualan untuk hari kedua juga mendapat sambutan yang luar biasa. Ia berterusan sehinggalah hari terakhir kami meniaga di pesta konvo. Untuk hari terakhir ini kami membuat jualan luar biasa dengan mengadakan promosi bagi menghabiskan stok tudung kami. Dengan pembelian melebihi RM50 akan mendapat free lima biji kerongsang serta snowcap jenama ‘berhantu’. Alhamdulillah hari pertama kami berniaga membuahkan hasil yang lumayan. Aku percaya ini bukti kerjasama yang harmoni antara aku dan Fika sehingga mampu menghasilkan keuntungan berlipat kali ganda. Fikir hati kecilku.

BILIK KULIAH

Jari-jari terketar-ketar memegang duit jualan yang beratus helaiannya. Jari-jari terkitai-kitai menarik satu persatu untuk mengira. Berkat hasil jualan ini telah dapat menambah pendapatan serta mengurangkan beban kami sebagai pelajar di universiti ini. Semenjak membuat perniagaan ini, kos perbelanjaan makan dan perbelanjaan berkaitan assignment dapat aku biayai. Selepas pesta konvo tamat kami meneruskan jualan dengan melalui media sosial serta di falkulti masing-masing sahaja. Kami juga sering berjumpa untuk mengambil bungkus tudung di kaunter post untuk dibahagikan sama rata. Hubungan kami semakin erat dan menandatangani cemburu kepada rakan yang lain.

Kadang-kadang aku selalu sahaja mendengar kata cacian dan kecaman dari rakan-rakan yang lain. Tapi aku lebih memilih untuk mendiamkan diri kerana malas untuk melayan mereka yang cemburu dan iri hati dengan kejayaan orang lain. Kata mereka kami ini mempunyai ibu bapa yang tidak bertanggungjawab dan tak mampu memberi wang kepada kami. Mereka juga kata yang aku ini saja nak cari perhatian daripada pensyarah kerana sifat kerajinan aku dalam berniaga di universiti. Perkara biasa akan berlaku apabila pensyarah akan puji dan menyuruh rakan-rakan mencontohi aku untuk start berniaga daripada sekarang. Kata pensyarah sekarang peluang pekerjaan amat terhad, jadi manfaatkan ilmu bisnes yang ada untuk membuka bisnes sendiri agar hidup lebih terjamin. Namun kena tanggung risiko sendirilah, katanya lagi.

“Hey Ashikin kau tahu kawan kau si Fika tu jual tudung mahal giler dekat falkulti dia, taksilap aku dia jual lebih RM 2 dari harga sebenar, sampai ramai mempertikaikan harga tudung dia, dia cakap tudung dia kualiti lebih bagus daripada yang kau jual, betul ke?” tanya Suraya dan rakan-rakannya dengan tiba-tiba.

Aku terkejut dan terkedu kerana pertanyaannya amat menyakitkan hati aku. Setahu aku tudung yang dijual oleh Fika adalah tudung yang sama aku jual. Ini bermakna kualiti tudung yang kami jual adalah sama dan tiada beza.

“Betul ke apa yang korang cakapkan ni? kami jual tudung yang sama dan kami ambil order pun dari pemborong yang sama, mana mungkin kualiti tudung yang dia jual berbeza dengan aku jual,”-jawabku dengan nada yang berhemah.

“Iye...betul kalau kau tidak percaya kau tanya kawan-kawan yang lain atau kau tanya sendiri pada Fika,” seloroh Suraya kepada aku.

Dalam perjalananku ke masjid universiti aku terserempak dengan Fika. Fika hanya tersenyum kecil namun aku terus memulakan langkah tanpa menyapa si Fika. Aku mempercayai bulat-bulat kata-kata si Suraya dan rakan-rakannya tanpa menyiasat terlebih dahulu. Aku terus menerus menjauhkan diri daripada Fika.

Mungkin Fika dapat merasai perubahan diriku, namun aku memperlakukan endah tak endah sahaja.

Hatiku bagai kaca terhempas ke batu, dengan sikap si Fika yang berfikir untuk mengaut keuntungan itu sahaja. “hmm.. patutla dia taknak layan aku masa makan haritu, mungkin sebab hal ini lah agaknya,” hatiku berkata-kata. Berkali-kali si Fika cuba bercakap dengan aku, namun aku mengelak dan melayannya seperti seorang musuh.

Hubungan kami semakin renggang, aku amat merindui gelak tawa si Fika. Tiada lagi ke kaunter post bersama, tiada lagi makan bersama, tiada lagi bungkus tudung bersama. Rindu hati ini hanya Allah je yang tahu. Tiga minggu sudah berlalu hubungan aku dengan Fika masih tidak berubah seperti kacang lupakan kulit. Kami seolah-olah tidak mengenali antara satu sama lain. Kini aku seorang sahaja yang menjual tudung, Fika sudah pun menarik diri dan tidak mahu menjual bersamaku lagi. Ketika sedang sibuk membuat assingment di perspusatakaan, tiba-tiba aku terdengar sekumpulan perempuan yang sedang berbual tentang seorang pelajar bernama Fika. Kebetulan salah seorang perempuan dalam kumpulan tu adalah daripada kos kaunseling. Itupun kerana aku pernah berjumpa sewaktu Fika membawa beliau makan bersama-sama kami.

“Korang tahu selama ini Fika tu rupanya anak usahawan terkenal, kita mati-mati ingat dia orang miskin sebab tu dia jual tudung kesana kesini, tanpa kita sedar hasil keuntungan jualan dia tu sebenarnya

disedekahkan kepada rumah anak yatim”

“Itu lah tu, rupanya mak bapak dia tauke tudung bawal exclusive kot! dahla tudung tu berjenama mahal pulak tu kan, pastu murah hati sungguh bersedekah” “Beruntungsi Fikakan, dahla anak orang kaya, baik hati pulak tu, cemburu aku lihat dia,”

Aku tergamam dengan perbualan sekumpulan pelajar perempuan tersebut. Aku menyesal kerana tidak memberi peluang kepada Fika untuk menjelaskan perkara sebenar. Bodohnya diriku ini kerana mempercayai gosip liar tentang Fika dahulu. Hari berganti hari aku tidak melihat susuk tubuh si Fika dimana-mana. Perbuatan aku yang terus serkap jarang ini memang tidak layak untuk dimaafkan. Namun selagi aku tidak berjumpa dengan Fika, hatiku tidak akan tenang.

Tengah sedap menikmati sambal ayam merah berapi cik kantin asrama yang mencengkam jiwa, tiba-tiba ada tamparan hebat di atas bahu. Kelihatan seorang perempuan yang manis dengan senyuman sedang berdiri di tepi susuk tubuhku. “Hai awak, awak sihat?”

“Eh Fika, alhamdulillah sihat mana awak pergi selama ni? penat saya cari awak,”

“Awak cari saya? kenapa?” Tanya Fika dengan muka yang terkejut.

“Saya ingin memohon maaf pada awak kerana tuduh awak bukan-bukan, saya dah tahu semuanya, awak tak kaut keuntungan apa-apa pun kan sebenarnya,”

“Maaf salah saya juga sebab tak jujur pada awak, sebenarnya tuduhan dari rakan-rakan yang kata saya menjual tudung lagi mahal itu adalah tidak benar, mungkin mereka iri hari dengan keakraban kita sehingga sanggup menabur fitnah, saya tidak salahkan awak Ashikin sebab awak tidak tahu apa-apa. Keuntungan yang saya dapat saya akan berikan kepada rumah anak yatim berhampiran dengan universiti kita. Saya berbuat sebegitu kerana saya rasa saya perlu berkongsi rezeki dengan orang lain yang lagi memerlukan, sebab itu bila saya berjumpa dengan awak saya rasa berbesar hati untuk membuat bisnis dengan awak. Sejujurnya saya gembira kerana berjumpa dengan awak Ashikin, awak sangat ikhlas dalam urusan perniagaan. Apabila awak mengetahui fitnah tentang diri saya, awak terus menghindarkan diri awak kerana awak taknak kehilangan pelanggan tudung awak bukan?,” Saya faham sebab itu saya seperti dikulum menjadi manikam, dimuntahkan menjadi sekam.” jawab Fika dengan mata yang bertakung dan hanya tinggal untuk pecah bentengnya sahaja.

“Ya Allah.. maafkan saya Fika kerana tidak pernah menghargai awak selama ini. Saya sangat beruntung kerana memiliki sahabat yang sangat pemurah hatinya. Maafkan saya kerana tidak pernah memberi peluang kat awak untuk menjelaskan situasi sebenar. Saya amat alpa sehinggakan saya sanggup

membuang nilai persahabatan yang tiada gantinya. Duit bukan segala-galanya, sahabatlah yang akan ada dikala susah senang. Maafkan saya sekali lagi Fika,” matakau merah kerana tidak mampu menahan sebak didada.

“Tak apalah awak, mulai hari ini kita buang yang keruh dan ambil yang jernih, moga apa yang berlaku akan memberi hikmah untuk kita suatu hari nanti. Awak jangan risau kita masih sahabat untuk selamanya,” jawab Fika dengan senyum tersipu malunya

SETAHUN KEMUDIAN

Hari yang ditunggu-tunggu telah tiba, kini tibalah giliran aku untuk mengengam segulung ijazah. Wajah ibu bapa yang hadir tidak dapat digambarkan dengan kata-kata, tangisan mereka seolah-olah itulah hari paling bahagia buat mereka. Kelihatan senyuman tersusun rapi pelajar-pelajar yang memakai jubah serba ungu dan hitam dengan topi di atas kepala menyirikan lagi busana konvo mereka. Tidak ketinggalan juga ibu, ayah serta adik-adikku yang hadir untuk meraikan hari kemenangan bagi diriku. Tanpa mereka siapalah aku disini. Merekalah tulang belakang aku untuk aku meneruskan pengajian ini, membantu ketika jatuh dan bangunku. Tiada apa yang dapat aku balas pengorbanan dan budi baik mereka melainkan kejayaan ini..

“Ashikin... Ashikin... Ashikin....,”

Terdengar sayup-sayup suara yang menjerit memanggil namaku. Ku toleh kebelakang kelihatan seorang gadis yang sungguh ayu dengan senyuman manis belari-lari ke arah aku dan terus menerkam tubuhku.

“Tahniah Ashikin! You deserve it better well, I’m proud with you,” kata Fika dengan wajah yang amat gembira.

“Thank you Fika, you too! awak seorang yang sangat baik sepanjang saya kenal awak, awak ajar saya erti nilai persahabatan yang sebenar.”

“Is okay Ashikin saya dah lama lupakan semua itu, sekarang kita buka buku baru ye. Oh ye! saya lupa nak cakap, parents saya ajak awak join buka satu perniagaan tudung jenama kita sendiri, kalau awak berminat nanti saya bawak awak ikut saya join kelas yang diadakan oleh usahawan-usahawan yang telah berjaya.”

“Wah menarik juga idea awak itu, terima kasih sebab offer saya insyaallah saya akan cuba buat sehabis baik selepas ini.”

Setelah tamat pengajian di Universiti Fika dan aku telah membuka perniagaan sendiri. Kami bermula semuanya dari bawah, walaupun keluarga Fika berkali-kali ingin membantu kami dari segi kewangan namun aku dan Fika lebih suka untuk berdikari sendiri. Namun begitu aku masih menerima pertolongan daripada keluarga Fika daripada aspek yang berbeza iaitu bimbingan dan proses tunjuk ajar kepada kami cara untuk bera-

ni berhadapan dengan risiko di dalam dunia perniagaan. Kami menggunakan modal berasaskan keuntungan jualan tudung ketika di Universiti dahulu. Walaupun jumlah ia sedikit namun memadai bagi kami untuk memulakan perniagaan daripada peringkat awal. Teringat aku kata-kata ibuku “bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian” dan akhirnya akan mendatangkan kejayaan.

Aku bahagia kini perniagaan aku dan Fika dikenali ramai orang. Tidak kira peringkat umur, semuanya menyukai jenama tudung kami. Kini jenama tudung kami sudah pun merantau di seluruh negeri dan bakal diterbangkan ke luar negara dalam masa terdekat. Aplikasi online seperti Shopee, Lazada dan website menjadi tumpuan orang ramai untuk membeli tudung keluaran dari syarikat kami. Kemudahan teknologi yang ada lebih memudahkan untuk kami memasarkan produk di persada dunia. Alhamdulillah tanpa aku sangka dulu dia pernah aku anggap sebagai musuh kini menjadi seperti kakak kepadaku. Dialah tempat aku mengadu, tempat aku menangis dan meminjam bahu untuk meluahkan segalanya.

Betul kata orang tua dahulu “kawan biar beribu, musuh jangan cari walaupun satu”? Terima kasih ya Allah kerana mengekalkan persahabatan kami. Ya Allah. Sesungguhnya apa yang kau berikan itu adalah terbaik. Terima kasih ya Allah kerana hadirkan sahabat yang menyayangi serta mengasihani aku seikhlas hatinya.



Terima Kasih



*penerbitumt
officialmppumt
pphkumt*